

8TH UMS FENCING OPEN CHAMPIONSHIP 2011

23 OCTOBER 2011

ORGANIZED BY

MSFE



ALBUM...Peserta Kejohanan Lawan Pedang Terbuka UMS bergambar beramai-ramai bersama jawatankuasa penganjur.

Lawan Pedang Terbuka UMS

Oleh VITALIS G BINGKASAN
vbingkasan@yahoo.com

UMS tempat ketiga

UB 28/10/2011 A14

KOTA KINABALU: Harapan pasukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) mendominasi acara berpasukan campuran tidak kesampaian apabila sekadar menduduki tempat ketiga pada Kejohanan Lawan Pedang Terbuka UMS Kali Kelapan yang berlangsung di sini penghujung minggu lalu.

Gelaran juara acara itu dimilik MMU Melaka dengan kemenangan 43-33 keatas MMU Cyberjaya pada perlawanan akhir.

Kejohanan yang berlangsung di UMS tersebut turut mempertandingkan

acara perseorangan foil dan epee lelaki dan wanita.

Acara foil perseorangan lelaki dijuarai peserta SM Kian Kok Sabah, Teo Zhi Bin dengan kemenangan 15-12 ke atas peserta MMU Cyberjaya, Desmond Lee Hee Jin manakala tempat ketiga dimenangi seorang lagi peserta Kian Kok, Manuel Chong.

Muhammad Azrul pula muncul juara epee perseorangan lelaki selepas menumpaskan Lim Chew Chuan (MMU Melaka) 15-13 pada perlawanan akhir. Tempat ketiga dimenangi Nik Daniel Affandi bin

Kamaruzaman (MMU Melaka).

Foil perseorangan wanita pula dijuarai Huam Hooi Ming (MMU Melaka) dengan kemenangan 15-4 keatas Yeo Siow Wee (Universiti Putra Malaysia (UPM)) manakala tempat ketiga dimenangi Radiance Chin Khee Yong (MMU Melaka) menduduki tempat ketiga.

Kian Kok mengutip pingat emas keduanya menerusi Lim Yin Yin dalam acara epee perseorangan wanita. Beliau menumpaskan Yeo Siow Wee (UPM) 15-11 pada perlawanan akhir sementara tempat ketiga dimenangi

peserta Universiti Sains Malaysia (USM), Ooi May Chen.

Kejohanan selama dua hari tersebut disertai 42 peserta dari tujuh pasukan iaitu MMU Melaka, MMU Cyberjaya, USM, UPM, SMK Lok Yuk Likas, SM Kian Kok dan UMS selaku tuan rumah.

Pengerusi penganjur, Lee Poh Yeh semasa memberitahu keputusan tersebut berterima kasih kepada semua peserta yang mengambil bahagian serta jawatankuasa penganjur yang telah memastikan kejohanan itu berjalan lancar.